

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17/12/2010

Kenal pasti kelebihan yang ditawarkan oleh China, India dan Jepun

# Malaysia perlu pasaran baru

UM - 17/12/2010

Oleh NORILA DAUD

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 16 Dis. – Kajian untuk mengenal pasti keperluan pasaran di China, India dan Jepun perlu dilakukan bagi mengukuhkan hala tuju perdagangan negara di masa depan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar) berkata, Malaysia perlu mencari pasaran baru di negara-negara yang kurang terjejas akibat krisis kewangan global.

Menurut beliau, ketiga-tiga negara tersebut tidak terlalu terjejas akibat krisis kewangan berbanding Eropah dan Amerika Syarikat.

“Jumlah perdagangan kita dengan China semakin meningkat terutama barangan

elektronik, kerana itu kita perlu memajukan bidang komponen supaya dapat memenuhi kehendak pasaran di negara itu,”

katainya pada sidang akhbar di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ceramah “Wawasan 2020” dan kemudiannya berdialog dengan para peserta Program Pertukaran Pengetahuan, Melihat Ke Timur: Satu Pendekatan Alternatif Kepada Paradigma Tadbir Urus Barat.

Dr. Mahathir menambah, pasaran di Jepun juga perlu dikaji berikutan kos pengeluaran yang tinggi dan kerana itu sebuah syarikat terkenal dari negara itu mem-

buat pelaburan di Malaysia bagi mengeluarkan barangan untuk dieksport.

Berhubung kemajuan yang dicapai dalam bidang pertanian, Dr. Mahathir berkata, bidang ini amat penting tetapi tidak boleh menjadi tonggak kepada pembangunan negara.

Beliau menjelaskan, Malaysia perlu menceburi bidang perindustrian terutama yang berteknologi tinggi kerana bidang itu memerlukan ramai pekerja terlatih dan mereka ber-

kemampuan untuk menyalurkan pengetahuan yang diperlukan dalam industri.

Terdahulu dalam ceramahnya, Dr. Mahathir berkata, aktiviti pertanian yang dilakukan di atas satu ekar tanah tidak mem-

beri pendapatan lumayan berbanding sebuah kilang dibina di kawasan tersebut yang boleh menampung kehidupan 500 pekerja.

Sementara itu, Dr. Mahathir juga mahu semua pihak memikirkan tentang nilai mata wang yang perlu disokong dengan nilai emas kerana hari ini urusan mencetak wang bernilai 600 bilion dolar Amerika diumumkan.

“Bagaimana hendak meyakini nilai wang yang dicetak tanpa disokong dengan nilai emas kerana dikatakan setiap auns emas bernilai 35 dolar Amerika tetapi hari ini setiap auns emas dijual untuk 1,400 dolar Amerika.

“Ini menunjukkan betapa rendah susut nilai mata wang Amerika. Wang kertas bukan wang sebenar dan ia perlu disokong dengan emas yang mempunyai nilai,” katanya.

